



PEMILIHAN lagu yang berunsur nasihat, pedoman dan dalil al-Quran menjadi tema kepada gerakan Street Dakwah Universiti Sains Islam Malaysia.

USIM Street Dakwah jelajah ke Alamanda

KONSEP pembelajaran dakwah dan unsur-unsur jati diri dalam hiburan masih dikekalkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Street Dakwah yang meneruskan sesi jelajah mereka buat kali kedua ke Alamanda, Putrajaya, baru-baru ini.

Menghidangkan hiburan santai melalui konsep pemuzik jalanan (buskers), program anjuran Pusat Kebudayaan USIM ini jelas membuktikan keunikannya berbanding buskers lain dengan mengetengahkan seni muzik islamik di samping mendidik masyarakat terutamanya golongan generasi Y ke arah kebaikan.

Menurut Pengarah Pusat Kebudayaan, Ismail Ahmed, pemilihan lagu-lagu yang disampaikan mempunyai unsur nasihat, pedoman dan dalil al-Quran seiring dengan tema *sharing knowledge* dan *sharing awareness* bagi menggamit perhatian pengunjung.

"Menampilkan kepelbagaian genre muzik kali ini sesuai dengan citarasa penonton di sini yang lebih inginkan persembahan yang relek dan medium pengajaran yang tidak terlalu berat.

"Program kali kedua ini juga merupakan proses penambahbaikan dari segi persembahan dan pengurusan di samping persediaan USIM sempena persembahan

Festival Hari Guru Kebangsaan pada 14 hingga 16 Mei dan USIM Street Dakwah Jelajah Kedah yang bakal berlangsung pada 1 hingga 7 Ogos nanti," katanya.

Sementara itu, menurut salah seorang pengunjung, Mohd Han Adam, inisiatif seperti ini menyajikan banyak manfaat kepada masyarakat agar mereka tidak leka dengan hal dunia bahkan boleh menghayati keindahan bait-bait islamik.

Manakala pengunjung yang berasal dari Filipina yang hanya mahu dikenali sebagai Ubaidah, dia sangat teruja dan terhibur dengan hiburan santai tersebut walaupun tidak memahami bahasa Melayu kerana alunan dan rentak dari alat-alat muzik membantu menghangatkan persembahan.

Selain persembahan nyanyian muzik dari USIM Buskers, terdapat juga penampilan istimewa daripada Siso Kopratasa yang turut dengan menyampaikan dua buah lagu evergreen yang bertajuk *Masihkah Kau Ingat dan Bidadari Syurga*.

Program yang berlangsung selama dua jam itu meriah dengan persembahan dilir barat serta nyanyian 10 buah lagu antaranya *Hati Emas, Mentera Semerah Padi, Tanya Sama Itu Hud-Hud, Doa Buat Kekasih, Kepadamu Kekasih, Si Udin Bertanya* dan sebuah lagu Arab iaitu *Nur El Sham*. 